

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 jld.3 (16)

Tarikh : 02 Jun 2021

Y. Bhg. Dato'/ Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG BIL.
12/2021 – LANGKAH LANGKAH TAMBAHAN BAGI MENCEGAH VARIAN
BAHARU COVID-19 DARI INDIA (PINDAAN TERKINI)**

Dengan hormatnya saya adalah diarah merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Kelang Bil. 10/2021 (JGM) adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, Lembaga Pelabuhan Kelang dengan kerjasama Jabatan Laut Malaysia (JLM), Pejabat Kesihatan Pelabuhan dan Jabatan Imigresen telah mengkaji semua *Standard Operating Procedure* (SOP) yang sedia ada demi memberi perlindungan yang lebih efektif kepada pekerja-pekerja pelabuhan dan krew kapal yang berurusan di atas kapal-kapal yang tiba dari India.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pengurus Besar Bilangan 12/2021 (JGM), Langkah-Langkah Tambahan Bagi Mencegah Varian Baharu Covid-19 Dari India. Pekeliling ini juga menggantikan Pekeliling Pengurus Besar bilangan 10/2021 (JGM) bertarikh 21 Mei 2021.


4. Sehubungan dengan itu, kerjasama Y. Bhg. Dato'/ Tuan / Puan adalah diperlukan bagi memanjangkan pekeling tersebut kepada pihak terlibat di bawah kendalian Y. Bhg. Dato'/ Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

s.k:

Pg. Pengurus Besar (Operasi & Kawalselia), LPK

Pengurus Gerakan Merin, LPK

Unit VTMS, LPK

Pejabat Kesihatan Pelabuhan
Persiaran Raja Muda Musa
42007 Pelabuhan Klang

Ketua Pengarah Laut
Jabatan Laut Malaysia
Peti Surat 12, Jalan Limbungan
42000 Pelabuhan Klang

Faks: 03-3168 5289

Ketua Imigresen Cawangan
Jalan Depoh, Seksyen 5, Pelabuhan Klang
42000 Selangor
Malaysia

Faks: 03-31677930

LAMPIRAN 1

Ketua Pegawai Eksekutif
Northport (M) Bhd.
Jalan Pelabuhan, Pelabuhan Utara
42000 Pelabuhan Klang

Faks: 03-31698697

Ketua Pegawai Eksekutif
Westports (M) Sdn. Bhd.
P.O.Box 266, Pulau Indah
42009 Pelabuhan Klang

Faks: 03-31694101

Pengurus Besar
Tanjung Bruas Port
76400 Tanjung Kling, Melaka

Faks: 03-3511216

Presiden
Shipping Association Malaysia (SAM)
d/a: Round- the-World Logistics Corp. Sdn. Bhd
Unit 9-1, Level 9, Tower 8, UOA Business Park
No. 1 Jalan Pengaturcara U1/ 51A, Seksyen U1
40150 Shah Alam, Selangor

Faks: 03-55682997

Pengerusi
Malaysia Shipowners Association
Block A2, No. A2-3-3
Ayer @ 8, Fasa 8C1
Jalan PSG, Presint 8
62250 Putrajaya

Faks: 0388931945

Presiden
Central Region Shipping Association (CRSA)
c/o. SJS Management Services
No. 29-1, Jalan Kasuarina 2/KS6
Bandar Botanik
41200 Klang, Selangor

Faks: 03-31683830

Presiden
The Association of Independent Surveyors and Inspectors Malaysia (AISIM)
No. 192C, Jalan Batu Unjur 7, Taman Bayu Perdana
41200, Klang, Selangor

Email: aisim@aisim.org



LEMBAGA PELABUHAN KELANG

PEKELILING PENGURUS BESAR BILANGAN 12/2021(JGM)

NOTIS KEPADA PEMILIK KAPAL, AGEN PERKAPALAN, OPERATOR PELABUHAN, PEMBEKAL PERKHIMATAN SAMPINGAN DAN PENGGUNA PELABUHAN

LANGKAH LANGKAH TAMBAHAN BAGI MENCEGAH VARIAN BAHARU COVID-19 DARI INDIA

1. Pekeliling ini adalah tambahan kepada Pekeliling Pengurus Besar 08/2021(JGM) bertarikh 27 April 2021 berhubung arahan terkini daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) tentang penularan varian baharu COVID-19 dari India semasa ketibaan dan operasi kapal di pelabuhan-pelabuhan Malaysia dan Notis Perkapalan Malaysia MSN 01/2021 adalah juga berkaitan. Pekeliling ini juga menggantikan Pekeliling Pengurus Besar 10/2021(JGM) bertarikh 21 Mei 2021.
2. Lembaga Pelabuhan Kelang bersama Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengkaji semula *Standard Operating Procedure* yang sedia ada demi memberi perlindungan yang lebih efektif kepada **pekerja-pekerja pelabuhan dan krew kapal yang berurusan di atas kapal-kapal yang tiba dari India kecuali Bahagian C yang terpakai untuk semua kapal.**
3. Di antara aspek yang dikaji semula ialah interaksi di antara krew kapal dan pekerja-pekerja pelabuhan semasa urusan operasi kargo dan lain-lain aktiviti di atas kapal dan pemakaian *Personal Protective Equipment* (PPE) yang mana penambahbaikan yang dibuat adalah seperti berikut:

A. Pekerja pelabuhan / *shore personnel*

- i. Semua urusan operasi kargo hendaklah dijalankan oleh pekerja-pekerja stevedoring dan lashing pelabuhan sahaja tanpa sebarang penglibatan atau interaksi dengan krew kapal;
- ii. Pekerja pelabuhan adalah tidak dibenarkan masuk ke ruang *crew accommodation*;
- iii. Untuk mengelakkan interaksi antara pekerja pelabuhan dengan krew kapal, akses dek di sebelah laut adalah untuk krew kapal manakala akses dek sebelah dermaga khas untuk pekerja pelabuhan;

- iv. Pekerja-pekerja *stevedoring* dan *lashing* pelabuhan perlu memakai pelitup muka (*face mask*) dan sarung tangan (*hand glove*) semasa berada di atas kapal dan pelitup muka dan sarung tangan yang telah digunakan hendaklah dibuang (*dispose*) ke dalam bekas-bekas khas;
- v. Semua pekerja-pekerja *stevedoring* dan *lashing* pelabuhan hendaklah dinyahkuman (*disinfect*) apabila turun dari kapal sebelum dibenarkan bergerak balik ke terminal;
- vi. Sejauh mana yang boleh, pekerja pelabuhan, ejen perkapalan, boarding officer, surveyor, juruteknik dan lain-lain anggota yang berurusan dengan pihak kapal adalah di galakkan menggunakan *video conferencing*;
- vii. Ejen perkapalan, *boarding officer*, *surveyor*, juruteknik dan lain-lain anggota tidak dibenarkan menaiki kapal yang mempunyai sejarah perjalanan dalam tempoh empat belas hari (14) dari India;
- viii. Bagi urusan dokumentasi/ peralatan ganti kapal dan sebagainya, penyerahan boleh dilakukan di tempat yang telah ditetapkan seperti dermaga tanpa melibatkan sebarang interaksi dengan krew kapal dan diwajibkan memakai pelindung muka, pelitup muka, sarung tangan dan *apron (full PPE)*;
- ix. Ejen perkapalan, *boarding officer*, *surveyor*, juruteknik dan lain-lain anggota boleh dibenarkan menaiki kapal selepas tamat tempoh inkubasi empat belas (14) hari dan perlu memohon kelulusan dari LPK, JLM dan Port Health tidak kurang dari 24 jam sebelum menaiki kapal dan diwajibkan menjalani ujian PCR/RTK tidak lebih dari 7 hari sebelum menaiki kapal serta memakai pelindung muka, pelitup muka, sarung tangan dan *apron (full PPE)* semasa berinteraksi dengan krew kapal;
- x. Pekerja Operator Terminal Pelabuhan hanya dibenarkan berurusan/berinteraksi dengan kapal sekiranya perlu selepas tamat tempoh inkubasi empat belas (14) hari dan diwajibkan memakai pelindung muka, pelitup muka, sarung tangan dan *apron (full PPE)*;
- xi. Pekerja Operator Terminal Pelabuhan yang berurusan/ berinteraksi dengan krew kapal selepas tamat tempoh inkubasi empat belas (14) hari dikecualikan menjalani ujian PCR/RTK;
- xii. Hanya seorang (1) juruteknik, tidak lebih dari dua (2) orang surveyor dan seorang (1) ejen perkapalan sahaja yang dibenarkan bagi

menaiki kapal dalam satu-satu masa-selepas tamat tempoh inkubasi empat belas (14) hari;

- xiii. Syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan stevedoring dan lashing pelabuhan serta pembekal perkhidmatan lain seperti makanan, air minuman (*fresh water*), alat ganti kapal, bunkering dan sebagainya hendaklah menyediakan peralatan PPE yang secukupnya untuk pekerja mereka serta memantau dan memastikan tiada interaksi dengan krew kapal;
- xiv. Operator terminal pelabuhan hendaklah sentiasa menyelia dan mengawasi operasi kargo di atas kapal dan memastikan semua pihak mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan;
- xv. Nombor telefon *Chief Officer* kapal hendaklah dimaklumkan kepada terminal operator dan sebaliknya untuk memudahkan perhubungan di antara kapal dan terminal;
- xvi. Kerja-kerja teknikal di atas kapal yang melibatkan kakitangan teknikal dari pelabuhan tidak dibenarkan kecuali untuk kes-kes kecemasan dengan kebenaran dari LPK, JLM dan Port Health dan wajib memakai pelindung muka, pelitup muka, sarung tangan dan *apron (full PPE)*;

B. Kapal dan anak kapal

- i. Nakhoda kapal perlu memastikan persediaan dibuat oleh anak kapal sebelum operasi kargo bermula seperti pemasangan gangway dan membuka petak kargo, termasuk menyahkuman (*disinfect*) gangway dan ruang operator kren/derrick (*control panel*). Kerja-kerja sedemikian hendaklah disiapkan sepenuhnya oleh krew kapal dengan memakai pelitup muka dan sarung tangan sebelum pekerja-pekerja stevedoring dan lashing pelabuhan naik ke kapal. Kerja-kerja sanitasi di gangway dan ruang operator kren/derrick (*control panel*) perlu dilakukan oleh krew kapal pada masa setiap pertukaran giliran kerja stevedoring/lashing.
- ii. Untuk mengelakkan interaksi antara pekerja pelabuhan dengan krew kapal, akses dek di sebelah laut adalah untuk krew kapal manakala akses dek sebelah dermaga khas untuk pekerja pelabuhan;
- iii. Krew kapal adalah dilarang untuk berada di luar ruang *crew accommodation* kecuali krew kapal yang bertugas bagi tujuan memeriksa *mooring line*, *rat guard* dan lain-lain tugas berkaitan keselamatan kapal dengan memakai pelitup muka dan sarung tangan tanpa sebarang interaksi dengan pekerja pelabuhan. Krew kapal yang turun ke dermaga untuk memeriksa draft kapal perlu memakai *full PPE*.

- iv. Krew kapal yang berinteraksi dengan pekerja pelabuhan/ *shore personnel* perlu memakai pelindung muka, pelitup muka, sarung tangan dan apron (*full PPE*).

C. Operasi di atas kapal yang berlabuh (*anchor*) di dalam had pelabuhan yang melibatkan kehadiran pekerja pelabuhan/ *shore personnel* (untuk semua Kapal);

- i. Pekerja syarikat pembekal stor, bekalan makanan, air minuman dan bunker perlu sentiasa memakai pelitup muka (*face mask*) dan sarung tangan (*hand glove*) dan tidak dibenarkan menaiki kapal atau berinteraksi dengan anak kapal.
- ii. Pekerja pelabuhan seperti bunker surveyor tidak dibenarkan menaiki kapal yang mempunyai sejarah perjalanan dalam tempoh empat belas hari (14) dari India;
- iii. Pekerja pelabuhan (*shore personnel*) seperti bunker surveyor boleh dibenarkan menaiki kapal selepas tamat tempoh inkubasi empat belas (14) hari dan perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut;
 - a) Memohon kelulusan dari LPK, JLM dan Pejabat Kesihatan Pelabuhan tidak kurang dari 24 jam sebelum naik ke kapal,
 - b) Menjalani ujian PCR/RTK tidak lebih dari tujuh (7) hari sebelum menaiki kapal,
 - c) Hanya satu (1) orang kakitangan surveyor dibenarkan naik ke kapal dengan memakai pelindung muka, pelitup muka, sarung tangan dan apron (*full PPE*).
 - d) Krew kapal yang berurusan dengan surveyor perlu memakai pelindung muka, pelitup muka, sarung tangan dan apron (*full PPE*).
 - e) Kerja-kerja teknikal di atas kapal yang melibatkan kakitangan teknikal pelabuhan tidak dibenarkan kecuali untuk kes-kes kecemasan sahaja dengan kebenaran dari LPK, JLM dan Pejabat Kesihatan Pelabuhan dan wajib memakai pelindung muka, pelitup muka, sarung tangan dan apron (*full PPE*).

4. Aktiviti survey "*on hire/off hire*" untuk kapal-kapal yang singgah di Pelabuhan Klang tanpa operasi kargo adalah tidak dibenarkan.

Sekian, terima kasih.

Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang